

04/06/2000

Tidak salah jadi posmen dan pengkritik

MINGGU ini Kiau nak cakap sikit pasal hormat dan takut. Nampaknya banyak juga orang yang keliru di antara hormat dengan takut.

Kesannya mereka lebih sibuk jaga periuk nasi sendiri daripada jaga periuk nasi rakyat yang pilih mereka atau yang bergantung kepada mereka.

Kita memang disuruh tunjuk hormat kepada orang yang berhak menerimanya. Hormat samalah dengan respect yang kerap kita dengar orang kita sebut sekarang.

Sudah jadi penyakit orang kita, kalau tak faham bahasa Inggeris pun mereka akan pinjam dan tiru. Ini Kiau tak faham dan tak setuju. Kalau nak pinjam pun, pinjamlah yang lebih berguna.

Tapi nampaknya sekarang orang lebih cepat takut daripada hormat. Mereka takut daripada hormat kepada pemimpin. Ada yang kata mereka hormatkan seseorang pemimpin maka mereka tak nasihat, tegur atau tentang dia. Sebenarnya mereka takutkan pemimpin itu.

Ekorannya apabila ada orang lain yang nasihat dan tegur, mereka buat kesimpulan orang itu tak setuju atau menentang pemimpin.

Kiau rasa pemimpin wajib ditegur dan dibagi nasihat. Kiau yakin banyak pemimpin sanggup dengar nasihat dan terima teguran. Hanya pemimpin yang lemah saja takut kepada teguran, tidak mahu dengar nasihat dan tidak bersikap toleransi.

Pemimpin yang kuat, berani dan berwibawa akan dengar nasihat dan teguran dan terima kritikan dengan hati yang terbuka. Mana-mana yang tidak tepat atau tidak betul mereka akan jawab.

Malangnya semakin ramai orang lebih suka berdiam diri atau mengampu daripada berterus terang dengan pemimpin. Tapi di belakang orang itu atau apabila dia sudah jatuh, macam-macamlah maki hamun. Kiau rasa ini tak adil dan bukan sifat orang yang demokratik.

Kalau kita percaya kepada sesuatu, kita kenalah berani dan bersedia pertahankannya walaupun beri kesan buruk kepada kita.

Kiau teringat kepada tulisan Tun Daim Zainuddin dalam Utusan Malaysia beberapa tahun lalu atas tajuk "Orang Melayu Tidak Berani Bersuara".

Politik dan pemikiran orang Melayu pada alaf baru ini tidak akan sampai ke mana, malah akan jadi lebih lemah jika mereka hanya berdebat di kedai kopi dan bersuara dalam surat layang.

Kiau selalu dengar orang kata mereka hormatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tapi mereka tak habis-habis merungut tentang beliau. Mereka buat bermacam andaian dan tuduhan yang tak adil.

Apabila tanya pasal apa mereka tak kemukakan rungutan mereka kepada Dr Mahathir atau kepada Kabinet dan Majlis Tertinggi Umno, mereka kata mereka takut.

Itulah pokok pangkal masalah. Mereka takut. Bukan hormat. Kalau kita betul-betul hormatkan seseorang, kita tidak akan takut bagi maklumat kepadanya. Kalau terpaksa, kita akan bagi nasihat dan buat teguran.

Kerana mereka sendiri takut atau hanya nak jaga periuk nasi, mereka cakap di kedai kopi dan tulis surat layang sampai tercetus gambaran yang tidak sihat mengenai pemimpin.

Memanglah tak mudah berdebat dan berbahas dengan Dr Mahathir. Tengok sajalah dalam Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini. Dr Mahathir dengan mudah bagi penjelasan dan alasan yang mematahkan hujah banyak pembahas.

Tapi kalau kita tak belajar berbahas dan tak berani berbahas, sampai bila kita nak pandai. Dr Mahathir pun bukan pintar berdebat dan berbahas

dengan serta-merta. Dia pun belajar juga.

Jadi Kiau cukuplah seronok apabila ahli MT yang baru dipilih, Datuk Shahrir Abdul Samad kata dia nak jadi posmen Umno. Kiau harap yang dia maksudkan itu ialah posmen yang bawa surat dan maklumat kepada kerajaan dan parti.

Kiau sebutkan hal ini pasal ada satu lagi posmen dalam sebuah filem Inggeris setahun dua lalu yang dibintangi oleh Kevin Costner.

Dalam filem bertajuk Postman itu, Costner, seorang bekas tahanan politik pada suatu masa yang akan datang, menyamar sebagai posmen dan mengetuai pemberontakan.

Itulah pun tugas ahli MT, ahli YB dan pemimpin politik yang lain. Saling tegur menegur dan nasihat menasihati. Bawa maklumat dan pesanan daripada rakyat totok kepada pemimpin agung.

Bukan saling puji memuji dan puja memuja kerana hendak jaga kerusi dan periuk nasi.

Selamat jadi posmen.

(END)